



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 24 Julai 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 23/2024

Encik Mohd Hakimie bin Zainal Abidin

Pemangku Pengarah
Pusat PERMATA@Pintar Negara
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan,

PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR PROGRAM ASASI PINTAR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024/2025

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa minggu Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan mulai **16 hingga 20 Disember 2024**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.

3. Sehubungan itu, bagi melancarkan urusan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025, Pusat ini memohon jasa baik pihak tuan untuk mendapatkan kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat pengesahan maklumat keperluan peperiksaan melalui **SMPweb** (<http://smplucee.ukm.my/smpweb>).

4. Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:-

- i) Urusan pengesahan Borang Maklumat Keperluan Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 boleh dibuat mulai **9 hingga 13 September 2024**.
- ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPweb**. Untuk makluman, jumlah soalan maksima yang dibenarkan untuk Borang OMR adalah **125 Soalan SAHAJA**.
- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh peperiksaan kepada tempoh berikut bagi memudahkan penjarangan jadual peperiksaan:
 - a. 1 jam
 - b. 1 jam 30 minit
 - c. 2 jam
 - d. 2 jam 30 minit
 - e. 3 jam



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelarass kursus.
- v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar Pusat masing-masing.
- vi) Pihak Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung dengan:

- (i) **Unit Peperiksaan dan Pengijazahan Prasiswazah** di talian [03-89118450/8460](tel:03-89118450/8460) atau melalui e-mel kepada latifahkasmuri@ukm.edu.my / rul@ukm.edu.my / ayin@ukm.edu.my.
- (ii) **Urusan Teknikal** melalui e-mel smpweb@ptm.ukm.my.

Kerjasama dan bantuan pihak tuan bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini akan berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
- Ketua Penolong Pendaftar
Pusat PERMATApintar Negara



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my